

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN :**

**YB Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah keberkesanan konsep Doktor Keluarga dan apakah liputan perkhidmatan kesihatan serta kesukaran yang dihadapi dalam memperluaskan perlaksanaan konsep di seluruh negara.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Konsep Doktor Keluarga atau Family Doctor Concept adalah salah satu pendekatan yang diperkenalkan sebagai salah satu halatuju Kementerian Kesihatan Malaysia [KKM] sejajar dengan perancangan pengukuhan penjagaan kesihatan primer dalam RMK 11 iaitu bagi mengukuhkan perkhidmatan preventif dan promotif di peringkat jagaan primer. Ini bagi membolehkan individu dan keluarga mendapat rawatan berterusan dari seorang doktor keluarga secara komprehensif di mana doktor tersebut bertanggungjawab ke atas status kesihatan populasi di bawah jagaannya. Ini dapat meningkatkan liputan pemantauan status kesihatan melalui pengesahan awal faktor risiko penyakit dan sekaligus

merangka intervensi sesuai untuk mengurangkan morbiditi dan mortaliti dalam populasi khususnya untuk menangani beban masalah penyakit tidak berjangkit (NCD) yang semakin membimbangkan buat masa ini.

KKM telah menjalankan projek rintis di empat belas (14) Klinik Kesihatan dan didapati Konsep Doktor Keluarga ini boleh dilaksanakan dengan pertambahan sumber yang diperlukan. Di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) tambahan sebanyak 48 Klinik Kesihatan lagi yang akan melaksanakan Konsep Doktor Keluarga ini.

Kesukaran dalam pelaksanaan Konsep Doktor Keluarga ini adalah kekangan sumber khususnya jumlah anggota kesihatan terlatih yang diperlukan untuk melaksanakannya. Justeru itu, perluasan konsep ini dilakukan secara berperingkat-peringkat untuk memastikan keberkesanannya.